



**TEKS UCAPAN  
YBRS.TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 10/2022**

**28 OKTOBER 2022 | JUMAAT**

**9.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman**  
Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**  
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,  
Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS Bil.10/2022 bagi bulan Oktober pada pagi yang berbahagia ini.

## **1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 30 September 2022, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa sebanyak RM 95.52 juta (89.85%) daripada RM 106.30 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 6.30 juta (78.79%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 8 juta.

## **2. NOTIS BORANG E**

- 2.1 MPS juga telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan cukai taksiran pada 1 September 2022. Sebanyak 68,157 notis telah dikeluarkan dan tempoh tamat adalah pada 30 September 2022.
- 2.2 Tindakan waran tahanan bernilai RM100.00 akan dilaksanakan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan bermula 1 Oktober 2022. Semakan dan bayaran boleh dilakukan di <https://mymps.mps.gov.my>.

### **3. KEMPEN KUTIPAN BAGI KAWASAN KAMPUNG DAN RUMAH KOS RENDAH YANG DIKECUALIKAN CUKAI**

- 3.1 Selain itu, MPS masih meneruskan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi kawasan kampung dan rumah kos rendah yang mendapat pengecualian cukai.
- 3.2 Di sini saya juga ingin memberi peringatan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan untuk membuat bayaran secara penuh bagi membolehkan anda mendapat pembatalan waran tahanan dan caj yang dikenakan sebanyak 100% sebelum 31 Disember ini.

### **4. PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN SECARA DIGITAL**

- 4.1 Untuk makluman, semua pemegang lesen premis perniagaan boleh membuat pembaharuan dan pembayaran lesen perniagaan masing-masing secara dalam talian mulai 1 November 2022.
- 4.2 Pemegang lesen perniagaan juga perlu mengemaskini maklumat masing-masing di [lesendigital.mps.gov.my](http://lesendigital.mps.gov.my) dan seterusnya membuat pembayaran di MyMPS serta boleh mencetak sendiri lesen perniagaan mereka tanpa perlu lagi hadir ke MPS.

- 4.3 Inisiatif MPS ini adalah untuk memudahkan proses pembaharuan lesen dibuat secara dalam talian tanpa perlu berurusan secara fizikal di kaunter.
- 4.2 Walaubagaimanapun, bagi pemegang lesen minuman keras/arak, visual/billboard, Kilang Tanpa Kebenaran (KTK), rumah urut/ refleksologi, pusat siber/ kafe siber, hotel, barang lusuh dan kuari, proses bayaran perlu dibuat melalui MyMPS dan mereka perlu hadir ke Jabatan Pelesenan MPS untuk mengambil lesen perniagaan mereka.
- 4.3 Jadi, saya harap agar semua Ahli Majlis dapat memaklumkan kepada semua pemilik premis perniagaan kawasan masing-masing untuk membuat bayaran pembaharuan lesen perniagaan sebelum tempoh 31 Disember 2022 untuk mengelakkan caj fi proses lewat sebanyak 10% daripada jumlah aktiviti lesen dikenakan kepada mereka.

## **5. AUDIT PEMANTAUAN ISO 9001:2015**

- 5.1 Saya juga ingin memaklumkan Pasukan Audit SIRIM QAS International akan membuat Audit Pemantauan ISO 9001:2015 pada 9 hingga 11 November 2022. Pengauditan

ini melibatkan konteks organisasi, kepimpinan, perancangan, sokongan, operasi, penilaian prestasi dan penambahbaikan di setiap jabatan.

- 5.2 Sehubungan itu, saya berharap agar semua jabatan bersiap siaga dan memastikan segala persiapan di tahap yang terbaik bagi mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi kali ini.

## **6. PENGHARGAAN UNTUK PROGRAM RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR BATU ARANG**

- 6.1 Alhamdulillah, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Perancang Bandar dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana telah berjaya melaksanakan Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Batu Arang 2030 yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.
- 6.2 Lanjutan daripada itu, orang awam dan pihak-pihak berkepentingan boleh memberi cadangan, idea mahupun bantahan mulai 21 Oktober yang lepas hingga 21 November 2022 bagi menjayakan Draf RKK ini di tiga buah lokasi iaitu

Balai MPKK, Bandar Batu Arang; Tingkat 16, Pejabat PlanMalaysia@Selangor; dan Lobi Menara MPS.

## **7. PROGRAM KUCING ANGKAT**

- 7.1 Pada 27 Oktober 2022 yang lepas, MPS telah menganjurkan program 'Kucing Angkat – Sayangi Kucing Jalanan' untuk mencari tuan dan rumah baharu buat kucing-kucing ini secara percuma. Sebanyak 40 ekor kucing daripada pelbagai baka telah ditawarkan untuk dipelihara oleh pencinta kucing.
- 7.2 Ini merupakan tahun kedua MPS menganjurkan program sebegini dan saya berharap agar program ini dapat diteruskan pada tahun-tahun berikutnya. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan atas pelaksanaan program ini.

## **8. PROGRAM-PROGRAM BAGI BULAN NOVEMBER 2022**

- 8.1 Selain itu, saya juga ingin memaklumkan mengenai program-program MPS yang akan berlangsung pada bulan November 2022.

- 8.2 Pada 2 hingga 4 November ini, Program *Big Boys' Camp – SHIELDS* 2022 iaitu program tahunan anjuran MPS bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Gombak (AADK), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah Gombak (JPNIN) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Gombak (JKM). Program ini akan diadakan di Kem Nur Laman Bestari, Ulu Yam melibatkan seramai 60 pelajar dari pelbagai sekolah.
- 8.3 Selain itu, program Ceria Kembali ke Sekolah akan diadakan pada 24 November 2022 bagi menyampaikan bantuan persekolahan kepada anak-anak yang kurang berkemampuan untuk terus bersemangat dalam meneruskan sesi persekolahan.
- 8.4 Disamping itu, Program Jom Teroka Selayang di mana program ini berkonsepkan ‘treasure hunt’ yang mensasarkan sebanyak 50 pasukan. Ia terbuka kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi serta orang awam bagi memperkenalkan lokasi-lokasi pelancongan yang menarik di bawah kawasan pentadbiran Selayang bakal diadakan pada 27 November 2022.

8.5 Saya berharap agar kesemua program-program yang dirancang ini berjalan lancar dan mendapat sambutan serta penyertaan daripada pelbagai pihak yang terlibat.

## **9. PELETAKAN NOTIS PILIHAN RAYA**

- 9.1 Seperti semua sedia maklum, berikutan pengumuman oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia pada 20 Oktober yang lalu, Pilihan Raya Umum ke-15 bakal diadakan pada 19 November 2022. Oleh yang demikian, Parlimen Selayang (P.097) telah membuat makluman melalui notis Borang 3 [Subperaturan 3 (3)] di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihanraya Raya) 1981 bagi memaklumkan tarikh penamaan calon iaitu pada 5 November 2022.
- 9.2 Notis ini bertujuan untuk memaklumkan pemilihan seorang Ahli Dewan Rakyat Negeri Selangor Bahagian Pilihan Raya Parlimen Selayang (P.097). Notis-notis ini telah diletakkan di 14 buah lokasi antaranya Lobi Menara MPS, Air Selangor Cawangan Gombak, Pasar Harian Batu Arang dan Masjid Nurul Yaqin Kampung Melayu Sri Kundang.
- 9.3 Akhir kata daripada saya, tunaikan tanggungjawab anda sebagai rakyat Malaysia dan selamat mengundi.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh